

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### OPR dijangka tak naik secara ketara tahun depan



#### Kadar Inflasi dalam negara makin terkawal susulan subsidi besar sehingga RM77 bilion

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Kadar inflasi yang dilihat semakin terkawal khususnya Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia memberi petunjuk bahawa Kadar Dasar Semalam (OPR) berkemungkinan tidak lagi akan dinaikkan atau hanya berlaku ke-naikan yang tidak berturut-turut tahun depan.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kenaikan OPR adalah disebabkan tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) mahu menyeimbangkan

pasaran modal dengan arus parasan kewangan dunia yang dipengaruhi oleh kenaikan kadar faedah oleh bank pusat AS dari pada sifar peratus pada Mac lalu hingga galah pada kadar 4.5 peratus ketika ini.

Katanya, langkah itu diambil berikutnya AS dijangka menghadapi kenaikan inflasi yang tinggi melebihi sembilan peratus setiap bulan.

"Justeru, BNM menaikkan OPR berjumlah 100 mata asas atau satu peratus sejak Mei hingga galah November.

"Namun, kadar inflasi negara masih terkawal walaupun naik antara empat ke lima peratus, berikutan subsidi yang besar oleh kerajaan sehingga RM77 bilion terutama untuk bahan api.

"Kini, inflasi mula terkawal sama ada di AS atau Malaysia. Jangkaan kegawatan ekonomi dunia tahun depan juga memberikan petanda kemungkinan OPR kita tidak lagi dinaikkan, walaupun ada ura-ura untuk kenaikan 0.25 peratus pada Januari dan Mac tahun 2023," katanya kepada BH.

Kadar inflasi Malaysia pada Oktober 2022 turun kepada empat

peratus berbanding 4.5 peratus yang direkodkan pada September 2022.

Kadar inflasi AS turut menunjukkan penurunan apabila berada pada 7.7 peratus bulan lalu berbanding jangkaan awal 0.75 peratus sebelumnya.

Aimi Zulhazmi berkata, perkembangan dari AS menunjukkan Rizab Persekutuan (Fed) akan mengubah strategi untuk memperlakukan kenaikan kadar faedah kerana bimbang ke-naikan yang agresif akan menyarkkan pertumbuhan ekonomi

negara itu.

Beliau berkata, kadar kenaikan faedah untuk Disember oleh bank pusat AS itu dijangka lebih rendah hanya 0.5 peratus berbanding jangkaan awal 0.75 peratus sebelumnya ini.

#### Sokong ekonomi domestik

"Bagi mengharungi ekonomi global yang mencabar tahun 2023, kerajaan disaran memberi sokongan kepada ekonomi domestik supaya menjadi enjin pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Selain dasar fiskal oleh kerajaan dengan bantuan kewangan oleh kerajaan, dasar monetari oleh BNM juga wajar membantu menjana ekonomi domestik dengan menyediakan kadar pinjaman pada harga yang murah, supaya perniagaan dan pengguna akan terus berbelanja bagi menjana ekonomi Malaysia.

"Justeru, OPR boleh dikekalkan pada kadar sekangkaran sehingga galah ekonomi domestik tersebut pulih," katanya.

Pensyarah Kanan Putra Business School, Prof Dr Ahmed Razman Abdul Latif, pula berkata OPR mungkin akan dinaikkan tahun depan, tetapi tidak akan berlaku secara berturut-turut seperti tahun ini.

"Ini kerana, inflasi sudah mula menunjukkan trend penurunan dan juga isyarat dari AS memungkinkan Fed memperlakukan kenaikan kadar faedahnya tahun depan, sekaligus memberi ruang untuk BNM tidak menaikkan kadar OPR dengan ketara.

"Ada kemungkinan kenaikan tahun depan akan membawa OPR beransur-ansur kepada 3.25 peratus," katanya.

 Kini, inflasi mula terkawal sama ada di AS atau Malaysia. Jangkaan kegawatan ekonomi dunia tahun depan juga memberikan petanda kemungkinan OPR kita tidak lagi dinaikkan, walaupun ada ura-ura untuk kenaikan 0.25 peratus pada Januari dan Mac tahun 2023. 

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,  
Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School

